

Jenis Akhbar : Harian Metro
Tarikh : 28/06/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 38 & 40

Muka Surat: 38

Datuk Abdul Fattah Abdullah *HM (28/06/2017)*
m/s 38
Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad (Angkasa)

“
Zon Perdagangan
Bebas Baru
Lanzhou itu adalah
kerjasama antara
kerajaan tempatan
Lanzhou dengan
Bahagian Hab
Halal, Jabatan
Kemajuan
Islam Malaysia
(JAKIM)”



Muka Surat: 40

HARIAN METRO
m/s 40 (28/06/2017)

Peluang pasar produk ke peringkat global

Petaling Jaya: Lanzhou, ibu negeri dan bandar terbesar di Wilayah Gansu di barat laut China antara destinasi menarik bagi pelaburan koperasi dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini memasarkan produk mereka ke peringkat global.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) berkata, ACO adalah payung bagi gerakan koperasi ASEAN yang memainkan peranan sebagai penasihat dan penyelar kepada koperasi ahli untuk mendapatkan peluang perniagaan di Zon Perdagangan Bebas Baru Lanzhou.

Beliau berkata, zon perdagangan itu kerjasama antara kerajaan tempatan Lanzhou dengan Bahagian Hab Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk pemprosesan dan pembungkusan produk yang juga peluang keemasan kepada semua ko-

operasi Malaysia dan ASEAN untuk memasarkan produk dan perkhidmatan ke China.

ACO mempunyai keanggotaan individu 560 juta orang, mewakili 66 peratus daripada jumlah keanggotaan koperasi global.

Koperasi itu terbabit dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan perniagaan termasuk pertanian, perikanan, perumahan dan penjagaan kesihatan.

Beliau sebelum itu menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ACO dan Elca Communication Sdn Bhd, syarikat teknologi dan komunikasi di negara ini dan ACO Trade and Exhibition (Lanzhou) Sdn Bhd (ATE) bagi pemasaran produk koperasi berkenaan di Lanzhou.

“Kerjasama antara ACO dan ATE bertujuan mengeksport produk koperasi Malaysia dan negara ASEAN lain dan pihak lain yang berminat menjalin usaha sama dengan ACO pada masa depan,” katanya.